

02/11/2002

`Ulat' jejaskan imej Langkawi

Anak Langkawi

DALAM tempoh 10 tahun, Langkawi membangun hasil usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu pulau itu dikenali sebagai pusat pelancongan bertaraf antarabangsa.

Namun, usaha mempromosikan Langkawi pasti tidak mendapat pulangan sewajarnya kerana wujud `ulat' atau pekerja untuk pengendali khidmat pengangkutan atau penginapan tanpa lesen yang beroperasi di jeti Kuala Perlis, Kuala Kedah, Kuah dan Lapangan Terbang Langkawi dengan menawarkan pakej penginapan dan sewa kereta.

Perkhidmatan `ulat' itu hanya mementingkan keuntungan jangka pendek.

Mereka bebas menyerbu ke pintu feri apabila pelancong tiba di Langkawi tanpa sekatan pihak berkuasa.

Kami bimbang kejadian sebegitu akan menjejaskan imej Langkawi sebagai pusat pelancongan.

ANAK LANGKAWI,

Kedah.